KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			

BIDIK SELEPAS MELURU

Harimau kumbang disyaki serang remaja Orang Asli ditembak Perhilitan ketika pasang perangkap



KESAN tetakan di kepala harimau kumbang.

Serangan melulu harimau kumbang terbabit menyebabkan seorang anggota terjatuh kerana terkejut namun dia tidak cedera"

Yusof

harimau kumbang berkenaan," katanya.

Beliau berkata, penelitian terhadap bangkai harimau kumbang mendapati banyak kesan tetakan dipercayai menggunakan parang pada kepala serta paha haiwan itu dipercayai ketika bergelut dengan mangsa kelmarin.

"Sebelum itu kakitangan Perhilitan menemui beberapa kesan tapak kaki dipercayai harimau dan kesan darah masih baru pada rumput dan daun.

"Serangan melulu harimau kumbang terbabit menyebabkan seorang anggota Perhilitan terjatuh kerana terkejut namun dia tidak cedera," katanya.

Katanya, turut ditemui pada bangkai haiwan itu jerat dawai kabel pada kaki kanan belakangnya yang cedera dan ia dipercayai penyebab harimau itu menjadi agresif dan menyerang manusia.

"Sehubungan itu, Perhilitan Perak menyeru orang ramai supaya menghentikan segala perbuatan memasang jerat hidupan liar kerana ia mengundang bahaya kepada manusia, selain menzalimi hidupan liar berkenaan," katanya.

Yusof berkata, bangkai harimau kumbang dibawa ke pejabat Perhilitan Daerah Sungai Siput sebelum akan dihantar ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) untuk menjalani bedah siasat.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seorang remaja Orang Asli cedera selepas diserang binatang buas berkenaan ketika sedang mencari kayu di hutan berhampiran rumahnya dekat Lasah, di sini, petang kelmarin.



HARIMAU kumbang ditembak mati selepas cuba menyerang anggota Perhilitan.